



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**
KENYATAAN MEDIA

Putrajaya, 19 Januari 2021 – Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 18 Januari 2021 dan telah disahkan positif oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada hari ini.

2. Susulan itu, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique akan menjalani rawatan dan tempoh kuarantin mengikut saranan dan pemantauan rapat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia di Johor Bahru.

3. Sepanjang tempoh rawatan dan pemulihan ini, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique akan terus memantau dan memastikan segala urusan Kementerian Perpaduan Negara berjalan dengan lancar.

4. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang mendoakan kesembuhan beliau dan memohon maaf di atas segala kesulitan dan masalah yang timbul akibat perkembangan ini.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Januari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my